

## Nasional

Sambutan Hari Malaysia 2020

# Semarak semangat 'Malaysia Prihatin'

Ulang tahun ke-57 pembentukan negara dirai dalam suasana sederhana

Oleh Mohd Roji Kawi, Iskandar Ibrahim, Ahmad Suhael Adnan dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Sibu:** Semangat 'Malaysia Prihatin' menyemarakkan sambutan Hari Malaysia 2020 peringkat Kebangsaan, yang berlangsung di Stadium Tertutup Sibu di sini, malam tadi.

Sambutan ulang tahun ke-57 pembentukan Malaysia yang ditubuhkan bersama oleh Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak itu diraikan dalam suasana sederhana.

Situasi itu sesuai dengan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pandemik COVID-19 yang masih membelenggu negara.

Berikutan SOP ketat PKPP, hanya kira-kira 500 jemputan menghadiri sambutan itu bersama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud dan isteri, Toh Puan Raghad Kurdi Taib; Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Antara kenamaan dari Sabah dan Sarawak yang hadir termasuklah Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg serta isteri, Datin Patinggi Dayang Juma'ani Tuanku Bujang.

Menteri Undang-undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Datuk Aidi Moktar dan isteri Datin Faridah Mohammad, pula mewakili Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Sambutan bertemakan 'Malaysia

Prihatin', bermula dengan acara hiburan, termasuk persembahan nyanyian lagu patriotik pada jam 7 malam, disusuli lagu kebesaran Sarawak, *Ibu Pertiwiku*, sejeurus ketibaan Abdul Taib.

Menerusi video ucapan alu-aluan, Menteri Komunikasi dan Multimedia yang bertanggungjawab terhadap Sambutan Hari Malaysia 2020, Datuk Saifuddin Abdullah mengajak rakyat Malaysia mengenali dan memahami dengan mendalam budaya pelbagai etnik negara ini.

Beliau berkata, ia bertujuan memupuk kefahaman yang lebih mendalam kalangan rakyat di tiga wilayah, Semenanjung, Sabah dan Sarawak mengenai kekayaan kebudayaan rakyat Malaysia.

Katanya lagi, meskipun semangat sambutan masih seperti dahulu, fokus kini sedikit berbeza disebabkan pandemik COVID-19.

"Ketika negara masih bergelut memerangi pandemik COVID-19, muncul wira baharu dalam bentuk



petugas barisan hadapan antaranya doktor, jururawat, petugas hospital, polis, tentera dan tidak ketinggalan petugas media.

"Mereka berbakti, berkorban malah ada yang terkorban dan kita amat berbangga dengan patriot ini," katanya.

Sambutan diteruskan dengan ucapan oleh Abang Johari diikuti amanat Muhyiddin dan sebaik selesai ucapan pemimpin nombor sa-

tu negara itu, upacara menandatangani buku khas Hari Malaysia diadakan.

Suasana sambutan menghampiri kemuncaknya dengan perarakan masuk Jalur Gemilang oleh 13 anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) diikuti upacara menaikkan panji-panji Malaysia itu diiringi lagu Negaraku.

Selesai nyanyian lagu kebangsaan, Abdul Taib melakukan sim-

bolik sambutan Hari Malaysia 2020 dengan pancaran laser diikuti tayangan video khas *The Bridge* yang berkisah Rukun Negara.

Sambutan diteruskan dengan persembahan hiburan oleh tiga artis dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak iaitu Dayang Nurfaizah, Hael Husaini dan Adira sebelum acara berakhir kira-kira jam 10.30 malam.

Sepanjang dua hari sambutan Hari Malaysia di Sibu ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menerusi Jabatan Penerangan khususnya, turut menganjurkan beberapa program dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan negeri Sarawak untuk menggalakkan pembabitan masyarakat setempat.

Antaranya program perpaduan antara agama dengan pengisian seperti pameran, sesi perkongsian antara agama, majlis kesyukuran pelbagai agama dan ambang Hari Malaysia.

## Saya Anak Malaysia diberi nafas baharu

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perpaduan Negara melancarkan video lagu *Saya Anak Malaysia* yang disusun dan dinyanyikan semula 26 artis tempatan berbilang bangsa serta usia bagi menyemarakkan semangat perpaduan menjelang sambutan Hari Malaysia.

Kementerian berkenaan turut menganjurkan pertandingan fotografi serta video bertemakan 'Saya Anak Malaysia' dan 'Malaysia Prihatin' bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat selain mencungkil bakat dalam bidang itu, mulai 16 September hingga 4 Oktober ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata pihaknya sedar bahawa rakyat Malaysia amat kreatif dalam meluahkan rasa cinta dan sayang kepada negara.

"Melalui lagu popular *Saya Anak Malaysia*, kementerian ingin mengambil peluang bagi menggalakkan rakyat berkongsi makna perpaduan dengan cara kreatif mereka tersendiri.

"Pertandingan ini juga diharap akan dapat menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat bagi sambutan Hari Malaysia, tahun ini," katanya dalam kenyataan, semalam.



Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Azman Mohd Yusof mengetuai kontinjen sukarelawan membawa Jalur Gemilang sepanjang 1.22 kilometer yang mencatat Malaysia Book Of Record ke dalam Gua Kelam 2, dekat Padang Besar, semalam.  
(Foto Dzuyaful Afnan Abdul Rahman /BH)

